

## Amalan *Service-Learning* Berdasarkan Falsafah dan Matlamat Pendidikan dalam Islam Service-Learning According to the Philosophy and Objective of Education in Islam

NORAIN AZLAN  
NAJAH NADIAH AMRAN  
HAMDI ISHAK

### ABSTRAK

*Islam menekankan penghasilan insan beriman, mempunyai jati diri unggul dan berusaha membangunkan agama dan negara. Islam mengangkat usaha khidmat kepada masyarakat sebagai ibadah. Malah, Islam adalah agama rahmat dan dakwah ke arah kebaikan dan perubahan positif dalam masyarakat. Artikel ini bertujuan menjelaskan peranan pembelajaran berasaskan khidmat bersama masyarakat (*Service-Learning*) dari perspektif falsafah dan matlamat pendidikan dalam Islam. Falsafah dan matlamat pendidikan dalam Islam menekankan keperluan kepada pengalaman pembelajaran secara teori dan praktikal dengan hasrat melahirkan insan bermanfaat. *Service-Learning* (*S-L*) menawarkan pengalaman pembelajaran yang bermakna secara teori dan praktikal melalui berkhidmat untuk masyarakat. Kajian ini menggunakan kaedah kajian literatur secara sistematik (*systematic review*) dengan mengumpulkan kajian-kajian amalan *S-L* di beberapa negara bermula dari tahun 1995 hingga 2019. Kajian mendapati Islam memberikan penekanan terhadap pembelajaran berasaskan khidmat kepada masyarakat. Malah ia menjadi sebahagian tujuan ke arah pengabdian dan islah dalam masyarakat. Selain itu juga, terdapat impak positif daripada *S-L* dari perspektif Islam. Secara khususnya *S-L* membentuk keperibadian Muslim, menerapkan kesedaran dan nilai tanggungjawab sosial dan impak keagamaan menerusi dakwah. Oleh itu *S-L* dicadangkan agar lebih diperkasakan perlaksanaannya dalam kursus dan program pengajian Islam.*

*Kata kunci: Experiential-learning; falsafah pendidikan Islam; HIEPs; matlamat pendidikan dalam Islam; service-learning; Quran dan Hadith*

### ABSTRACT

*Islam emphasises on producing well-rounded individuals who are equipped with strong faith, noble identity and able to contribute extensively to religion and nation. Islam views service to others as part of 'ibadah (submission). Also, it relates to Islam as a religion of mercy (rahmah) and promoting good (da'wah) by offering services and bringing positive changes in the community. This article aims to clarify the roles of community Service-Learning (S-L) based on the philosophy and objective of education in Islam. Islam draws attention to education specifically experiential learning where theories of knowledge and real-world activities are blended together. Service-Learning offers a meaningful learning experience by applying theory of knowledge to the real world through services to the community. A systematic review approach was employed in gathering the reports and articles on Service-Learning practices across countries from the year 1995 until 2019. It is discovered that Islam gives special emphasis on learning and servicing to others. In fact, the latter is considered as a part of submission and promoting changes (islah) in community. From the Islamic perspective, S-L provides many positive impacts. It builds good character among Muslim students, enhances their social awareness and promotes civic responsibility. Additionally S-L has rewarding impacts on students faith. From the lens of da'wah, S-L brings positive religious changes to the society. Thus, it is suggested that S-L is implemented extensively in Islamic studies courses and programmes.*

*Keywords: Experiential-learning; high impact educational practice; service-learning; philosophy of Muslim education; Quran and Hadis*

### PENDAHULUAN

Di sisi agama Islam, pendidikan adalah proses yang membawa manusia kepada makna ilmu yang benar. Proses ini meningkatkan perkembangan peribadi

Muslim dan mendidik adab yang sempurna terhadap Tuhan, diri sendiri, alam sekeliling dan juga sesama makhluk (Sabri 2009). Ibnu Khaldun (1332-1406) berpendapat pendidikan memerlukan pembelajaran secara teori yang diiringi dengan praktikal atau

amali. Ini kerana proses pemerhatian, pemikiran dan aplikasi pengetahuan semasa amali mempunyai kesan yang positif kepada pelajar (Abdul Rahim 2011). Ahli falsafah pendidikan barat seperti John Dewey (1859-1952) turut menekankan perkara yang sama, iaitu pembelajaran berasaskan pengalaman dalam memberi kesan secara keseluruhan dengan melibatkan perasaan, tingkah laku serta perkembangan kognitif (Iris M. Yob 2014; Mazuki 2011). Terdapat pandangan menjelaskan tentang ketidakmampuan atau kegagalan dalam mengaitkan antara teori dengan amali boleh merugikan pelajar dalam pelbagai bidang pengajian. Secara khususnya, Syafiqah Jalal et al. (2017) menjelaskan bahawa berlaku keterbatasan peluang pelajar dalam bidang Pengajian Islam untuk menyelesaikan masalah dalam dunia sebenar yang mengakibatkan kemahiran dan pengetahuan yang mereka miliki dalam bidang tidak digunakan. Hal ini berlaku kerana pelajar hanya dibekalkan dengan teori pengetahuan semata-mata dan tidak dilatih mempraktikkannya di medan yang diperlukan.

*Service-Learning* (S-L) disenaraikan sebagai salah satu amalan pembelajaran berimpak tinggi dan merupakan pedagogi pembelajaran transformasi iaitu pembelajaran berasaskan pengalaman dan perkhidmatan (Najah Nadiah Amran et al. 2016 dan 2018). Ia adalah pembelajaran melalui pengalaman secara langsung dalam senario sosial semasa dan membantu pelajar mengaplikasikan teori ilmu yang dipelajari secara praktikal (Azman & Che Hamdan 2011). Maznah et al. (2014) turut menjelaskan bahawa S-L mampu melatih semangat keagamaan pelajar menerusi khidmat dan kebajikan yang disalurkan. Ini juga dapat menyumbang kepada pembinaan peribadi Muslim yang mapan. Schneider (1998) menegaskan bahawa proses pendidikan tersebut boleh menjadi pemangkin transformasi manusia ke arah kehidupan yang lebih sejahtera. Artikel ini bertujuan membincangkan elemen-elemen asas yang utama dalam pembelajaran S-L berdasarkan falsafah dan matlamat pendidikan dalam Islam. Ia mensintesis mengenai definisi, objektif, teori pembelajaran dan pelaksanaan S-L dengan sumber pengetahuan Islam iaitu dari al-Quran dan hadis.

#### PERLAKSANAAN S-L DALAM PROGRAM-PROGRAM PENGAJIAN

Kajian lepas mendapati amalan pengajaran dan pembelajaran melalui S-L telah dilaksanakan dalam kursus-kursus bagi bidang pengajian Sains (Elena

Marin 2015; Kamisah Osman 2011), Sains Kesihatan (Jerrold S. Greenberg 2002; Janet Grobe Hood 2009; Joel Brugués et al. 2016), Teknologi Maklumat (Olga Petkova 2017), Matematik (Kyong-Hee Lee & Anne Statham 2010) dan Pengajian agama/Islam (Najah Nadiah & Hamdi 2017). Secara khususnya, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia mengendalikan kursus bersifat pembelajaran dan perkhidmatan iaitu Kursus Latihan Amali Dakwah (LAD) melibatkan pelajar-pelajar program Pengajian Dakwah dan Kepimpinan bersama masyarakat untuk tempoh tertentu (Abdul Ghafar Don et al. 2012). LAD menjadi aktiviti pembelajaran *Service-Learning* tahunan FPI secara berterusan untuk khususnya dalam kalangan pelajar program Dakwah dan Kepimpinan. Sepanjang mengendalikan proses pembelajaran ini, UKM bekerjasama dengan agensi luar menjayakan proses khidmat bersama orang asli dan lain-lain (Abdul Ghafar Don et al. 2012).

Selain dari Kursus LAD, terdapat satu lagi kursus di tahun akhir yang melibatkan S-L iaitu Latihan Amali Industri (LAI) khususnya apabila agensi masyarakat menjadi tempat latihan industri pelajar. Semasa menjalani LAI di agensi komuniti pelajar memberikan perkhidmatan secara langsung kepada masyarakat atau membantu agensi menyelesaikan masalah dalam masyarakat. S-L melalui latihan amali industri ini dikenali sebagai Latihan Industri berasaskan perkhidmatan (*Internship Service-Learning*). Pelajar-pelajar dari fakulti tersebut menjalani latihan amali industri di pusat penjagaan orang tua, saudara baharu, pusat pemulihan akhlak dan pusat pembelajaran orang kelainan upaya (Najah Nadiah & Hamdi 2017).

#### METODOLOGI KAJIAN

Dalam merungkaikan konsep, matlamat dan pelaksanaan S-L dalam amalan pengajaran dan pembelajaran, kajian literatur secara sistematik (systematic review) telah dijalankan dengan mengumpulkan kajian-kajian mengenai amalan pembelajaran ini dari dalam dan luar negara bermula dari tahun 1995 hingga 2019. Sorotan telah dilakukan dengan mengenalpasti tesis, artikel jurnal, buku dan bab dalam buku berkaitan S-L. Pencarian maklumat tersebut dijalankan melalui enjin pencarian atas talian melalui google scholar. Analisa hasil dapatan mendapati terdapat sepuluh tema yang sering berulang dalam kajian lepas apabila membincangkan tentang amalan S-L iaitu (a) definisi S-L (b) objektif pelaksanaan, (c) kerangka teori pembelajaran berkaitan, (d) kaedah atau pendekatan

dalam melaksanakan S-L, (e) bentuk-bentuk S-L (f) perancangan pelaksanaan S-L, (g) pelaksanaan S-L di lapangan, (h) komponen S-L, (i) pihak terlibat dengan S-L dan (j) impak pelaksanaan S-L. Artikel ini hanya menganalisis lima tema dari senarai tema iaitu definisi, objektif pelaksanaan, pendekatan dan teori berkaitan pembelajaran melalui keterlibatan, serta impak pelaksanaan. Justifikasi pemilihan tema tersebut adalah berdasarkan kepada objektif penulisan artikel ini iaitu membincangkan amalan S-L dari perspektif falsafah dan matlamat pendidikan menurut pandangan Islam. Majoriti pengkaji yang lepas menjelaskan bahawa terdapat beberapa elemen yang utama yang perlu diberi perhatian dalam kajian amalan S-L iaitu;

1. Definisi dan matlamat pembelajaran melalui Service-learning
2. Pendekatan pelaksanaan pembelajaran melalui Service-Learning
3. Keterlibatan bersama masyarakat atau agensi dalam aktiviti Service-Learning semasa pelajar berada di lapangan
4. Impak pelaksanaan S-L iaitu penilaian dan keberhasilan yang diukur mengenai kesan S-L atas pelajar, pensyarah/guru pembimbing, institusi pendidikan dan masyarakat/agensis terlibat.

#### DEFINISI DAN MATLAMAT PERLAKSANAAN *SERVICE-LEARNING*

S-L adalah kaedah pengajaran dan pembelajaran (Kate McPherson 1996; Kamisah Osman 2011; Martha Ellis 2013; Paul Benneworth & David Charles 2013; Najah Nadiah Amran et al. 2016; Najah Nadiah & Hamdi Ishak 2017) yang ditawarkan kepada semua pelajar yang berada di semua tahap pengajian bagi mencapai objektif pembelajaran. Kaedah pengajaran dan pembelajaran ini dilaksanakan melalui aktiviti perkhidmatan dalam komuniti bagi menyelesaikan masalah yang mereka alami. Secara khususnya, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia mendefinisikan *Service-Learning* sebagai:

Pembelajaran berasaskan perkhidmatan iaitu bentuk pembelajaran berasaskan pengalaman yang berlaku melalui satu kitaran tindakan dan refleksi apabila pelajar menerapkan perkara yang dipelajari mereka untuk menangani keperluan komuniti sebenar (Kementerian Pengajian Tinggi 2015)

Matlamat S-L adalah bagi memenuhi keperluan komuniti (LT Burns 1998; Essential Service-Learning

Resources Guide 2002; Pamela Steinke & Peggy Fitchy 2007; Najah Nadiah Amran & Hamdi bin Ishak 2017). Ini bermakna tujuan *Service-Learning* adalah menyelesaikan masalah yang dialami oleh masyarakat melalui aplikasi teori atau pengetahuan yang dipelajari semasa dalam bilik kuliah. Oleh itu, sebelum melaksanakan aktiviti pembelajaran tersebut pelajar dan pembimbing mereka hendaklah mengkaji dan mengenal pasti apakah masalah yang dihadapi dan merancang bagaimanakah teori ilmu yang dipelajari boleh digunakan bagi merungkai dan menyelesaikan masalah tersebut.

#### PENDEKATAN DALAM PERLAKSANAAN S-L

Elemen kedua dalam S-L berkaitan pendekatan bersesuaian yang digunakan. Pembelajaran berasaskan khidmat mestilah di integrasi dalam perancangan dan struktur kursus atau program yang ditawarkan kepada pelajar. Ini bermakna S-L adalah pendekatan yang dilaksanakan melalui kursus tertentu atau kurikulum akademik (Eyler & Giles D. Jr 1999; Andrew Furco & Shelley H. Billig 2002; Seifer SD & Connors K. 2007; Christine I. Celio, Joseph Durlak & Allison Dymnicki 2011; Martha Ellis 2013; Paul Benneworth & David Charles 2013). Pelajar dibekalkan teori ilmu dan guru/pensyarah merancang aplikasi teori ilmu tersebut melalui persediaan dan tugas bersesuaian yang akan dilaksanakan oleh pelajar apabila mereka berada bersama masyarakat.

Ini bermakna aktiviti pembelajaran melibatkan pendekatan S-L berkait dengan teori ilmu dan objektif yang hendak dicapai dalam kursus atau program pengajian (*course/programme learning objectives*) (Najah Nadiah Amran et al. 2019). Selain itu juga pelaksanaan pembelajaran S-L berlaku dalam bentuk kitaran merangkumi empat perkara berikut: (Najah Nadiah Amran et al. 2019)


1. Pembelajaran yang berasaskan khidmat hendaklah berkaitan dan bersesuaian dengan kandungan kursus atau bidang ilmu/teori
2. Persediaan pembelajaran amali perlu dirancang sebelum dilaksanakan.
3. Pembelajaran dan aplikasi teori ilmu dilaksanakan dalam tempoh tertentu di lapangan masyarakat
4. Semasa dan selepas selesai pembelajaran amali/ menjalankan khidmat kepada masyarakat pelajar hendaklah melakukan refleksi pengalaman dan pembelajaran.

Para pelajar mestilah melalui semua proses kitaran di atas termasuklah kitaran persediaan yang diakhiri dengan refleksi (Robert Bringle & Julie Hatcher 1995; Norazila Mat et al. 2015). Semua proses ini membantu pelajar membuat perkaitan antara pembelajaran teori dengan pengalaman yang diperoleh semasa menyelesaikan masalah yang dialami oleh kelompok komuniti sasaran (Kate McPherson 1996; Astin et al. 2000; Elias Mpopo 2007; Kamisah Osman 2011).

#### KETERLIBATAN MASYARAKAT DAN AGENSI

Elemen ketiga adalah elemen pengalaman keterlibatan secara langsung. Dalam kosa falsafah dan teori pendidikan ia dipanggil pengalaman pembelajaran (*Experiential-Learning*) secara langsung melalui berbentuk partisipasi (Najah Nadiyah Amran et al. 2019). Dalam konteks

perbincangan mengenai kerangka teori S-L, elemen keterlibatan merangkumi dua perkara berikut; (a) pengalaman sebenar pelajar berada di lapangan menjalankan aktiviti bersama masyarakat dan (b) hubungan langsung pelajar bersama pemegang taruh yang terdiri daripada komuniti, agensi berkaitan dan juga universiti. Dengan erti kata yang lain S-L yang dilalui oleh pelajar harus membabitkan sekurang-kurangnya satu atau lebih ramai pihak seperti masyarakat atau agensi kemasyarakatan. Elemen keterlibatan secara langsung ini berkait rapat dengan matlamat pembelajaran berasaskan pengalaman sebenar (*Experiential-Learning*) (Najah Nadiyah & Hamdi 2017; Maharam Mamat et al. 2018). Tanpa penglibatan atau pembabitan bersama masyarakat atau agensi tersebut, matlamat pembelajaran S-L tidak akan tercapai. Ekosistem keterlibatan pelbagai pihak dalam *Service-Learning* adalah seperti gambaran berikut (Najah Nadiyah et al. 2019):



RAJAH 1. Model Ekosistem Penglibatan Semasa Aktiviti *Service-Learning*  
Sumber: Najah Nadiyah Amran et al. 2019

#### KEBERHASILAN DAN PENILAIAN IMPAK PERLAKSANAAN S-L

Elemen keempat yang utama dalam pelaksanaan S-L dalam pengajaran dan pembelajaran adalah ukuran pencapaian kepada hasil atau objektif pembelajaran. Oleh itu S-L dilihat dari sudut kesan atau impak positif yang diperoleh oleh semua pihak yang terlibat. Contohnya, berlaku penambahan pengetahuan, perubahan sikap yang lebih baik, peningkatan dalam kemahiran generik dan sosial serta penerapan nilai-nilai murni dalam kalangan pelajar (Pentince &

Robinson 2010; Giles & Eyley 1994; Najah Nadiyah & Hamdi 2017; Maharam Mamat et al. 2018). Ini bermakna, ukuran pencapaian harus menilai sejauh manakah kesan positif yang dialami oleh pelajar dari aspek peningkatan pengetahuan, sistem nilai, kemahiran baharu serta perubahan positif kepada akhlak dan keperibadian pelajar.

Selain itu, ukuran pencapaian amalan pembelajaran dan pengajaran melalui S-L juga ditinjau impak positifnya terhadap guru atau pensyarah pembimbing (Tee Tiam Chai et al. 2013; Najah Nadiyah Amran et al. 2018). Kajian

lepas menunjukkan bukan hanya golongan pelajar menerima impak pelaksanaan S-L bahkan tenaga pengajar mendapati mereka sendiri telah mengaplikasikan teori serta inovasi penyelidikan bagi membantu kehidupan masyarakat (Sharom Ahmat & Mohd Akhir bin Abdullah 1979; Najah Nadiyah Amran et al. 2018 & 2019). Secara langsung ia menunjukkan kemampuan universiti membantu mempertingkatkan kehidupan masyarakat melalui aktiviti pengajaran dan penyelidikan. Seperti yang ditekankan sejak dari awal penulisan ini, S-L melibatkan pencarian solusi dan aplikasi teori ilmu bagi menyelesaikan masalah dalam komuniti sasaran. Oleh itu pihak masyarakat yang merupakan pemegang taruh utama yang menerima impak positif hasil S-L yang dijalankan (James M. Conway et al. 2009; Shelley H. Billig 2009). Impak tersebut termasuklah peningkatan taraf kehidupan, sosioekonomi, infrastruktur, kesejahteraan diri, keluarga, amalan dan gaya hidup sihat, keagamaan dan sebagainya (Najah Nadiyah Amran et al. 2018).

#### FALSAFAH DAN MATLAMAT PENDIDIKAN DALAM ISLAM MELALUI AMALAN S-L

Kajian ini meninjau falsafah dan matlamat pendidikan Islam dalam melahirkan pelajar berpengetahuan dan membawa perubahan kepada masyarakat dan perkaitannya dengan empat elemen S-L yang telah dibincangkan di atas. Umumnya, Islam menawarkan sistem pendidikan yang komprehensif serta menyeluruh. Matlamat pendidikan dalam Islam ditinjau bermula daripada matlamat penurunan al-Quran sendiri sehingga manusia mencontohi perlakuan Rasulullah SAW. Menurut matlamat pendidikan dalam Islam adalah selaras dengan matlamat pendidikan Al-Quran iaitu membina manusia sehingga dia mampu menjalankan fungsinya sebagai hamba Allah dan memaksimumkan potensinya sebagai khalifah yang membangun dunia sesuai dengan ketetapan Allah SWT.

Pendidikan dalam Islam menekankan pelaksanaan pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran yang sempurna dalam membentuk peribadi Muslim berakhlak mulia (Mohd Rashidi et al. 2014). Menurut Awang Yaacob dan Che Bakar (2004) pendidikan tidak hanya berkaitan pemindahan maklumat dari seorang guru kepada murid. Ia adalah suatu proses membentuk insan cemerlang menurut kaca mata Islam iaitu menjadi individu yang dapat melaksanakan tugasnya sebagai

hamba dan juga sebagai khalifah Allah dengan sebaik-baiknya.

Sistem pendidikan di dalam Islam menekankan aspek pembangunan Insan. Ini kerana setiap insan merupakan anggota yang membina masyarakat dan negara. Pembangunan insan bermaksud manusia dibangunkan dengan sifat-sifat kemanusiaan sesuai dengan fitrah kejadiannya. Dari segi matlamat pendidikan, kaedah pengajaran dan pembelajaran melalui S-L akan memenuhi keberhasilan kursus atau program dan penyelesaian kepada masalah dalam komuniti untuk jangka pendek manakala untuk jangka panjang ia dapat membina insan dan kemakmuran dalam masyarakat.

#### MERUBAH KEHIDUPAN MASYARAKAT

Manusia merupakan makhluk sosial yang hidup dalam persekitaran bermasyarakat. Setiap kebaikan dan keburukan yang berlaku di dalam masyarakat ada pengaruh daripada dan kepada manusia yang lain. Islam memandang bahawa menjadi tanggungjawab setiap individu Muslim berusaha memperbaiki dan membangunkan masyarakat (*islah*) agar mencapai kehidupan yang cemerlang (*al-Falah*) di dunia dan akhirat. Firman Allah SWT dalam Surah Ali 'Imran ayat 110 yang bermaksud:

Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman).

Seperti yang dijelaskan, matlamat pendidikan dalam Islam adalah untuk membina keperibadian insan agar menjadi hamba Allah dan khalifah yang menyumbang ke arah perubahan (*islah*). Semasa Nabi Muhammad SAW diutuskan, umat manusia berada dalam kehidupan serba jahiliah. Antara contoh keadaan masyarakat ketika itu menyembah berhala, mempercayai perkara khurafat, membunuh anak perempuan, berjudi, minum arak dan berzina (Abdul Ghafar Don & Razaleigh Muhamat 2012). Pengutusan Nabi Muhammad dan penurunan wahyu adalah bertujuan menyelesaikan masalah kejahilan dan merubah kehidupan manusia. Firman Allah SWT dalam surah al-Anbiya<sup>c</sup> ayat 106-107 yang bermaksud:

Sesungguhnya al-Qur'an ini benar-benar menjadi bekal (yang sempurna) bagi orang yang menyembah Allah. Tiadalah Kami mengutus engkau (Wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam.

Selain itu, Islam menyarankan agar setiap insan membantu (*ta'awun*) meringankan beban dan kesusahan orang lain. Terdapat hadis Nabi Muhammad SAW mengenai perkara tersebut.

Daripada 'Abdullah bin 'Umar RA menceritakan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

Seorang Muslim adalah saudara terhadap Muslim (yang lain), dia tidak boleh menganiaya dan tidak akan dianiaya oleh orang lain. Sesiapa yang melaksanakan hajat saudaranya, maka Allah SWT akan melaksanakan hajatnya. Sesiapa yang melapangkan kesusahan seseorang Muslim, maka Allah SWT akan melapangkan kesukarannya pada hari kiamat. Sesiapa yang menutupi aib seseorang Muslim, maka Allah SWT akan menutup aibnya pada hari kiamat. (Hadith riwayat al-Bukhari, No.2442, 6901, Muslim, No.2580)

Penjelasan mengenai matlamat dan tujuan pendidikan dalam Islam di atas berkait rapat dengan objektif pelaksanaan S-L yang bertujuan menangani dan menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh masyarakat. Ini termasuklah mengemukakan jalan penyelesaian dalam aspek teknikal, material dan juga spiritual ataupun kerohanian yang dapat merubah dan mempertingkatkan tahap kehidupan dan kesejahteraan dengan lebih baik.

#### PEMBELAJARAN TEORI BESERTA AMALI

Kajian berkaitan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang diterapkan oleh Nabi Muhammad SAW menunjukkan pendekatan pengajaran baginda berlaku secara berstruktur iaitu melibatkan pembelajaran teori dan amali. Ini menjadi asas dalam pelaksanaan pendidikan dalam Islam iaitu gabungan antara teori dan amali. Kajian lepas berkaitan amalan pembelajaran yang mengintegrasikan amalan pembelajaran secara teori dan amali secara berstruktur didapati menunjukkan kesan yang lebih positif ke atas pelajar berbanding pembelajaran teori sahaja (Sharifah Norshah et al. 2011).

Contoh berikut bertujuan menunjukkan langkah Nabi Muhammad mengajar secara teori dan amali sehingga para sahabat r.a menjadi golongan yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi. Setelah menguasai ilmu al-Quran secara teori dan amali, para sahabat r.a ditugaskan menyampaikan ilmu kepada masyarakat ke daerah dan negara lain di luar Madinah (Nur Shahirah Amelia 2015). Menurut riwayat daripada Abu 'Abd al-Rahman al-Sulami:

“Orang-orang yang membacakan al-Quran kepada kami seperti Uthman bin 'Affan, 'Abd Allah bin Mas'ud dan lain-lain telah menceritakan bahawa mereka belajar daripada Nabi sepuluh

ayat, mereka tidak akan beralih kepada ayat lain hingga mereka mengetahui perkara teori dan amali di dalamnya.” Mereka berkata, “Kami belajar al-Quran teori dan amali sekaligus” (Muhammad 'Ajjāj Khaṭīb 1963).

Perkaitan struktur pembelajaran yang melibatkan aspek pemupukan pengetahuan tentang teori dan amali tersebut selari dengan elemen S-L yang telah dibincangkan iaitu S-L mestilah berkait dengan teori atau kandungan ilmu pengetahuan dalam kursus. Teori atau pengetahuan tersebut kemudiannya dipindahkan, diuji dan dilaksanakan secara amali apabila pelajar berada ke lapangan masyarakat.

#### PENGALAMAN PEMBELAJARAN SEBENAR

Seperti yang dijelaskan antara elemen S-L adalah berkaitan pengalaman keterlibatan secara langsung di lapangan bersama masyarakat dan agensi. Kosma ilmu amalan pendidikan dalam Islam juga menekankan aspek pengalaman sebenar dan keterlibatan langsung sebagai kaedah dan ruang pembelajaran. Antara contoh model pembelajaran berasaskan pengalaman dan penglibatan langsung terdapat dalam Islam terdapat dalam surah al-Kahfi, Surah al-Qasas (Najah Nadiyah & Hamdi 2017) dan Surah Ali Imran (Najah Nadiyah et al. 2018). Contoh pengalaman pembelajaran pertama merupakan kisah pengalaman pembelajaran Nabi Musa AS semasa mengembara bersama hamba Allah yang salih. Dalam perjalanan tersebut, mereka memberikan khidmat kepada sebuah keluarga anak yatim dengan membaiki tiang rumah mereka yang hampir roboh. Peristiwa khidmat ini dirakamkan bagi menunjukkan kesedaran dan iktibar yang difahami oleh Nabi Musa AS setelah baginda mengetahui hakikat tindakan hamba Allah tersebut. Contoh kedua juga mengenai Nabi Musa iaitu semasa baginda berhijrah ke Madyan dan menetap selama 10 tahun dengan berkhidmat kepada keluarga Nabi Syuaib AS. Sepanjang tempoh perkhidmatan itu baginda mendapat pentarbiahan langsung daripada Nabi Syuaib (Najah & Hamdi 2017). Contoh pembelajaran ketiga mengenai proses pentarbiahan Maryam, ibu Nabi Isa yang dihantar untuk berkhidmat di Kota suci Bayt al-Maqdis dan sepanjang tempoh itu Maryam diletakkan di bawah bimbingan Nabi Zakaria sejak dari kecil (Najah Nadiyah et al. 2018). Terdapat dua perkara yang berlaku serentak dalam ketiga-tiga contoh pengalaman pembelajaran

tersebut iaitu; pembelajaran melalui perkhidmatan (*service*) dan proses mendapatkan pendidikan atau *tarbiyyah (learning)*.

Jelaslah di sini bahawa pembelajaran melalui memberikan perkhidmatan bukan suatu perkara yang asing dalam agama Islam. Islam mengiktiraf amalan belajar sebagai ibadah. Begitulah juga aspek berkhidmat kepada orang lain. Terdapat keterangan hadis yang menerangkan kewajipan Muslim untuk belajar. Selain itu, Nabi Muhammad SAW memuji mereka yang memberi manfaat kepada/untuk orang lain. Semua perkara atau amalan tersebut dianggap sebagai ibadah apabila disandarkan niat melaksanakannya kerana Allah SWT (Zulkiple & Mohd. Zafar 2004).

Selain nas al-Quran dan hadis yang menjadi sandaran kepada model pembelajaran berasaskan khidmat, terdapat peristiwa dalam sejarah hidup Nabi Muhammad SAW dan para sahabat RA yang menunjukkan amalan pembelajaran melalui perkhidmatan adalah sebahagian corak pendidikan nabawi. Contohnya, Anas bin Malik RA diserahkan oleh ibunya, Ummu Sulaym supaya berkhidmat kepada Nabi Muhammad SAW (Najah Nadiyah & Hamdi 2017). Sepanjang berkhidmat kepada baginda, Anas RA belajar tentang agama Islam dan selok-belok kehidupan. Sejarah Islam juga memuatkan kisah persaudaraan antara kaum Aus dan Khazraj. Mereka saling membantu, saling memberikan khidmat dengan amalan belajar tentang Islam sesama mereka (Nur Shahirah Amelia 2015). Jelas di sini elemen berbuat baik dan berkhidmat dalam membantu orang lain merupakan sebahagian ajaran Islam. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Mai<sup>da</sup> ayat 2, maksudnya:

Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertaqwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksa-Nya (bagi sesiapa yang melanggar perintah-Nya).

#### KESAN DAN FAEDAH PEMBELAJARAN PERKHIDMATAN

Perbincangan yang lepas menunjukkan bahawa pembelajaran yang dilalui oleh para rasul dan sahabat RA telah menjadikan mereka memiliki nilai-nilai yang positif seperti kerjasama (*ta'awun*), persahabatan (*ukhuwwah*), saling melakukan kebaikan (*makruf*) dan seterusnya membina jati diri generasi atau insan cemerlang lagi bertakwa. Semua

nilai ini berguna dalam membina sebuah masyarakat yang teguh dan makmur (Siddig Ahmad 2019).

Masyarakat Islam khususnya diumpamakan sebagai satu badan yang saling berkongsi kasih sayang, keprihatinan serta susah senang. Hubungan silaturahim ini terjalin berasaskan hubungan akidah. Pembelajaran melalui S-L dapat memupuk rantaian saling perkaitan dan hubungan silaturahim. Sabda Nabi Muhammad SAW:

Perumpamaan seseorang Mukmin sesama Mukmin dalam hal saling mencintai, mengasihi dan menyayangi seumpama satu badan. Apabila ada salah satu anggota badan yang menanggung kesakitan, maka seluruh badannya akan turut terjaga (tidak akan tidur) dan terasa panas (merasakan sakitnya). (Hadis Riwayat al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, No.:6011, Muslim, Sahih Muslim, No.:2586)

#### MELAHIRKAN INDIVIDU MUSLIM BERJASA

Seperti yang telah dijelaskan, S-L merupakan medan untuk belajar dan berkhidmat dalam mempertingkatkan tahap pegangan agama (Maznah et al., 2014). Ia membuka peluang khususnya dalam kalangan pelajar beragama Islam untuk menonjolkan keperibadian sebagai seorang Muslim mulia lagi berjasa yang mempunyai sifat luhur seperti *al-Ithar* (memberikan prioriti kepada orang lain dan kemaslahatan mereka), *al-Ukhuwwah* (persaudaraan) dan *al-Tadhiyyah* (pengorbanan). Islam memandang nilai dan sifat yang baik sebagai wasilah kemuliaan dan ketakwaan. Firman Allah SWT dalam Surah an-Nahl ayat 30:

Dan ditanya pula kepada orang-orang yang bertaqwa: “Apakah yang telah diturunkan oleh Tuhan kamu?” Mereka menjawab: “Kebaikan”. Orang-orang yang berbuat kebaikan di dunia ini beroleh balasan yang baik, dan sesungguhnya balasan negeri akhirat itu lebih baik lagi; dan memanglah negeri akhirat ialah sebaik-baik negeri bagi orang-orang yang bertaqwa.

Dalam menghuraikan maksud saling melakukan kebaikan Hassan al-Banna menyarankan agar gerak kerja yang sistematik dilaksanakan untuk melahirkan manusia yang sanggup berkorban untuk orang lain. Sifat *al-Tadhiyyah* (sanggup berkorban) akan mempersiapkan generasi Muslim yang sanggup menghulurkan pertolongan dan khidmat kepada golongan masyarakat yang memerlukan (Zainuddin Hashim 2018). Ini kerana dia menyedari terdapat kelebihan pada diri yang harus disyukuri dengan menyalurkan khidmat dan bantuan untuk membantu mereka yang kurang bernasib baik. Daripada Abu Hurairah RA daripada Rasulullah SAW bersabda:

Apabila seseorang daripada kamu melihat kepada seseorang yang diberikan kelebihan pada harta dan fizikal, maka hendaklah dia melihat kepada seseorang yang lebih rendah (atau kurang) daripadanya. (Hadith riwayat al-Bukhari, No: 6490, Muslim, No: 2963, Ahmad, No: 7800)

#### MENINGKATKAN PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN PELAJAR DAN MASYARAKAT

Islam memberikan penekanan aspek peningkatan pengetahuan dan menjadikan proses belajar sebagai gedung menjana intensif pahala yang berkekalan (Zakaria Stapa et al. 2012). Matlamat S-L dijelaskan berhasrat mempertajamkan daya fikir dan intelek (Malik Shaw 2005) selain dari pembinaan dan pemupukan akhlak dengan nilai kebertanggungjawaban terhadap masyarakat. Semasa pelajar turun ke lapangan bersama komuniti, mereka memindahkan pengetahuan dan kemahiran kepada masyarakat. Pemindahan ini menyebabkan proses pembelajaran dan aplikasi ilmu berlaku secara langsung dan berterusan semasa mereka berada di lapangan dan setelah tamat menjalankan khidmat.

Penerusan ilmu dan kemahiran oleh pihak komuniti menjamin kelestarian dalam masyarakat tersebut baik dari aspek material, fizikal dan spiritual. Contohnya pelajar yang ditugaskan membantu mempertingkatkan status sosial-ekonomi penduduk kampung dengan memindahkan maklumat cara pemasaran barangan hasil penduduk ataupun pelajar memindahkan pengetahuan membaca huruf dan bacaan al-Quran kepada masyarakat orang asal yang tidak tahu membaca. Begitu juga pelajar yang ditugaskan memperbaiki sistem perhubungan dan perparitan di lokasi-lokasi tertentu. Oleh itu selagi pemindahan ilmu, kemahiran dan teknologi itu berterusan maka pelajar dan masyarakat saling menerima faedah dari usaha yang dijalankan.

Kajian lepas berkaitan impak pelaksanaan S-L dalam kalangan pelajar pengajian Islam sama ada melalui LAD (Ghafar et al. dan Najah Nadiah et al. 2019) atau LAI (Najah Nadiah & Hamdi 2017) mendapati berlaku peningkatan pengetahuan dalam kalangan mereka secara positif. Contohnya dalam kursus yang diambil pelajar menekankan aspek aplikasi berdakwah. Pelajar mempraktikkan ilmu yang diperolehi semasa bersama dengan masyarakat orang asli. Selain mendapatkan pengetahuan langsung berkaitan kursus yang diambil, pelajar mendapat kemahiran, pengalaman dan ilmu baharu yang lain. Salah satu faktor peningkatan tersebut dinyatakan daripada aplikasi ilmu atau teori. Abdul Rahim (2011) dan Mohd Zahirwan et al.

(2017) menjelaskan bahawa pembelajaran yang melibatkan pengalaman dan amali lebih berkesan berbanding kaedah pembelajaran secara teori sahaja. Peningkatan pengetahuan (aspek kognitif) tidak terhad dalam kalangan pelajar. Bahkan pihak yang terlibat dalam menjayakan S-L turut mendapat ilmu, kemahiran, teknologi dan lain-lain yang dapat mempertingkatkan taraf kehidupan (Najah Nadiah et al. 2018). Peningkatan ini selari dengan matlamat pendidikan dalam Islam iaitu *islah* dalam kehidupan masyarakat dan negara.

#### MEMARTABATKAN KEDUDUKAN AGAMA ISLAM

Islam ialah agama yang syumul dan bersifat *rahmatan lil' alamin*. Sebagai agama yang universal, Islam tidak hanya menumpu dalam soal individu bahkan dalam semua usaha dan aspek yang dapat membantu dan memberikan kebaikan (Siddiqui Ahmad 2019). Dalam sebuah hadis daripada Abu Salih RA berkata, pada suatu hari Nabi Muhammad SAW menyeru kepada para sahabat RA dengan bersabda: Wahai sekalian manusia! Sesungguhnya aku adalah rahmat yang dianugerahkan oleh Allah untuk seluruh alam (Hadith riwayat Ad-Darimi, No: 15, Al-Hakim dalam al-Mustadrak).

Sebagai agama dakwah dan *islah*, Islam memberikan perhatian terhadap usaha memperbaiki kehidupan individu dan masyarakat. Dari segi bahasa, dakwah bermaksud menyebar, menyeru, mengajak, membimbing dan membawa orang lain ke arah kebaikan dan kesejahteraan. Dalam konteks agama, dakwah bermaksud seruan agar kembali taat dan patuh terhadap titah perintah tuhan dengan menjalankan kewajipan dan meninggalkan larangan-Nya. Allah SWT berfirman dalam Surah an-Nahl ayat 125, maksudnya:


Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbasahlah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalan-Nya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.

Dalam konteks pembelajaran dan tanggungjawab sosial, dakwah bermaksud mengajak dan membimbing individu dan masyarakat dengan mempertingkatkan kualiti peribadi dan kehidupan ke arah yang lebih baik tanpa mengira latar belakang, status, bangsa, jantina dan agama. Seperti yang dijelaskan matlamat pendidikan adalah untuk melakukan perubahan melalui ajakan dan bimbingan



dari aspek kognitif, psikomotor dan afektif ke tahap yang lebih baik. Islam memupuk budaya bertanggungjawab dalam kalangan penganutnya. Oleh itu setiap Muslim yang beragama mempunyai rasa bertanggungjawab dan kasih sayang terhadap orang lain. Secara langsung dan tidak langsung, proses belajar yang disertakan dengan matlamat

dakwah dan islah ini akan memartabatkan kedudukan agama Islam dalam kalangan masyarakat yang terlibat. Rajah 2 berikut bertujuan menonjolkan hubungan pelaksanaan *Service-Learning* dengan aspirasi agama Islam serta impak positif *Service-Learning* kepada pelajar dan komuniti.



RAJAH 2. Pelaksanaan Service-Learning Berpandukan Falsafah dan Matlamat Pendidikan dalam Islam

## KESIMPULAN

Artikel ini menjelaskan bahawa Islam menekankan penghasilan insan beriman dan mempunyai jati diri yang unggul, serta berusaha membangunkan agama dan negara. Ia juga menekankan keperluan kepada pengalaman pembelajaran secara teori dan praktikal dengan hasrat melahirkan insan bermanfaat. Service-Learning (S-L) menawarkan pengalaman pembelajaran yang bermakna secara teori dan praktikal melalui berkhidmat untuk masyarakat. Di dalam menghuraikan konsep amalan pembelajaran ini S-L, majoriti pengkaji menekankan aspek berikut iaitu pengukuhan pelaksanaan melalui kefahaman terhadap definisi dan matlamat S-L, menggunakan pendekatan pelaksanaan S-L secara tepat, keterlibatan dalam aktiviti bersama komuniti secara langsung dan juga penekanan terhadap penilaian dan keberhasilan impak amalan *Service-Learning* yang dilaksanakan. Pendidikan dalam Islam menekankan aspek kefahaman yang jelas terhadap falsafah dan matlamat pendidikan. Dalam mencapai objektif pendidikan, kaedah atau amalan berimpak ditekankan. Malah Islam mengangkat usaha pembelajaran dan usaha yang manfaat sebagai ibadah. Pembelajaran dan keterlibatan menerusi khidmat kepada masyarakat memberi peluang kepada pelajar untuk mempraktikkan teori yang dipelajari di dalam kuliah. Bagi pelajar beragama Islam, mereka berperanan sebagai duta dakwah dan

islah dalam masyarakat ketika berkhidmat. Secara tidak langsung ia mengangkat agama Islam sebagai agama rahmah dan dakwah. Kajian mendapati amalan S-L membentuk peribadi unggul dalam kalangan pelajar. Selain itu ia juga memberikan faedah pengetahuan dan kemahiran kepada mereka dan masyarakat. Berdasarkan kesan-kesan positif yang dibincangkan, maka amalan pembelajaran melalui S-L dalam kursus-kursus pengajian Islam dan juga yang lain wajar diperkasakan.

## PENGHARGAAN

Geran FRGS - FRGS/1/2016/SSI09/UKM/03/4 Tajuk Penyelidikan Geran: Pembinaan Model *Service-Learning* Universiti Awam Malaysia.

## RUJUKAN

- Abdul Ghafar Don & Razaleigh Muhamat @ Kawangit. 2012. Quranic survey on the Makkans reponse to dakwah. *Islamiyyat* 34: 99–105.
- Abdul Ghafar Don, Razaleigh Muhamat @ Kawangit, Salasia Hanin Hamjah, Fariza Md. Sham, Badlihisam Mohd. Nasir, Muhammad Faisal Asha'ari, Siti Rugayah Tibek, et al. 2012. Da'wah through social services method: The experience of the department of da'wah and leadership studies, National University of Malaysia. *Advances in Natural and Applied Sciences* 6(4): 545–548.
- Abdul Rahim Hamdan. 2011. *Falsafah & Pemikiran Pendidikan*. Johor Bharu: Penerbit UTM.

- Astin, A. W., Vogelgesang, L. J., Ikeda, E. K. & Yee, J. A. 2000. *How Service Learning Affects Students*.
- Awang Yaacob Che Mat & Che Bakar. 2004. Keperluan Kependidikan Islam dalam Pengajian Ketamadunan: 1-12.
- Azman Che Mat & Che Hamdan Che Mohd Razali. 2011. Pengajaran, pembelajaran dan Penyelidikan dalam Transformasi Menara Gading...dari Pelbagai Perspektif. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), UiTM.
- Benneworth, P. & Charles, D. 2013. *University-Community Engagement in the Wider Policy Environment. University Engagement with Socially Excluded Communities*. Dordrecht: Springer.
- Billig, S. H. 2009. Does quality really matter: The new K-12 service-learning standards for quality practice. Dlm. *Creating Our Identities in Service Learning and Community Engagement*, disunting oleh Barbara E. Moely, Shelley H. Billig, & Barbara A. Holland, 131-158. Greenwich, CT: Information Age Publishing Inc.
- Bringle, R. & Hatcher, J. 1995. Service-learning curriculum for faculty. *Michigan Journal of Community Service-Learning* 2: 112-122.
- Brugués, J., Aranda, N., Giralt, M., Chica, M., Sola, R., Arijá, V., Llauradó, E. et al. 2016. Impact of a Service Learning (SL) experience on the improvement of knowledge in healthy eating habits in teenagers. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 228: 202-208.
- Burns, L. T. 1998. Make sure it's service-learning, not just community service. *The Educational Digest* 64(2): 38-41.
- Celio, C. I., Durlak, J. & Dymnicki, A. 2011. A meta-analysis of the impact of service-learning on students. *Journal of Experiential Education* 34(2): 164-181.
- Conway, J. M., Amel, E. L. & Gerwien, D. P. 2009. Teaching and learning in the social context: A meta-analysis of service learning's effects on academic, personal, social, and citizenship outcomes. *Teaching of Psychology* 36(4): 233-245.
- Dwight, E., Giles, J. & Eyler, J. 1994. The theoretical roots of service learning in John Dewey - Toward a theory of service-learning. *Michigan Journal of Community Service Learning* 1(1): 77-85.
- Elena Marin. 2015. Experiential learning: Empowering students to take control of their learning by engaging them in an interactive course simulation environment. *Procedia Social and Behavioral Sciences* 180(November 2014): 854-859.
- Elias Mpofu. 2007. Service-learning effects on the academic learning of rehabilitation services students. *Michigan Journal of Community Service Learning* 46-52.
- Ellis, M. 2013. Successful community college transfer students speak out. *Community College Journal of Research and Practice* 37(2): 73-84.
- Essential Service-Learning Resources Guide. 2002. *Essential Service-Learning Resources Guide*.
- Eyler, J. & Giles, D. Jr. 1999. *Where's The Learning In Service-Learning*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Furco, A. & Billig, S. H. 2002. *Service-Learning: The Essence of the Pedagogy*. Greenwich, CT: Information Age Publishing Inc.
- Greenberg, J. S. 2002. A community-based capstone course: Service-learning in health education. *American Journal of Health Education* 33(2): 118-121.
- Hood, J. G. 2009. Service-learning in dental education: Meeting needs and challenges. *Journal of Dental Education* 73(4): 454-463.
- Indah Muliati & Muhammad Rezi. 2018. Tujuan pendidikan dalam lingkup kajian tafsir tematik pendidikan. *ISLAM TRANSFORMATIF: Journal of Islamic Studies* 1(2): 177-190.
- Iris M. Yob. 2014. Keeping students in by sending them out: retention and service-learning. *Higher Learning Research Communications* 4(2): 38-57.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). 2018. Rasulullah SAW Pembawa Rahmat ke Seluruh Alam. *e-Hadith (Hadith Collection)*. <http://www.islam.gov.my/> [14 November 2019].
- Kamisah Osman. 2011. The inculcation of generic skills through service-learning experience among science student teachers. *Procedia Social and Behavioural Sciences* 18: 148-153.
- Kementerian Pengajian Tinggi. 2015. *Pelan Pembangunan Strategik Pendidikan Malaysia 2015-2025*. Putrajaya.
- Kyong-Hee Lee & Anne Statham. 2010. The impacts of a service-learning experience on pre-service mathematics teachers. *IUMPST: The Journal* 2(September): 1-10.
- Maharam Mamat, Hamdzun Haron, Fatin Hazwani Siran, Maisarah Yaacob, Muhammad Izzul Amir, Muhammad Aizad Azfar, Muhammad Firdaus, et al. 2018. Volunteering among students of introduction to management, UKM. *International Journal of Civil Engineering and Technology* 9(7): 448-456.
- Maznah Hj Ibrahim, Syaidatun Nazirah Abu Zahrin & Fazilah Idris. 2014. *Serving for Humanity via Service-Learning Projects: Connecting Islam to Global Community*. *International Conference of Global Islamic Studies*, hlm. 211-220.
- Mazuki Mohd Yasim. 2011. Pembelajaran Berasaskan Pengalaman (*Experiential Learning*). *Pendidikan Luar-Definisi, Falsafah & Aplikasi*.
- McPherson, K. 1996. *Service-Learning: Getting to the Heart of School Renewal*. Vancouver, WA: School Improvement Project.
- Mohd Rashidi bin Omar, Nor Azizah binti Shamli & Saniah binti Mohammed Shahid. 2014. Metodologi Pengajaran Dan Pembelajaran Menurut Perspektif Islam: Kebitaraan Pendekatan Rasulullah S.A.W Sebagai Pendidik. *Konvensyen Kebitaraan Junjungan Mulia 2014 (INSAN2014)*, hlm. 1-17. Gerik, Perak.
- Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin, Pisol Maidin, Muhammad Yusri Yusof, Paiz Hassan, Hamdi Rahman Mohd Yaacob, Abd Munir Mohd Noh & Muhammad Imran Abd Razak. 2017. Pandangan Ibnu Khaldun berkaitan kaedah pendidikan dalam kitab Al-Muqaddimah. *Ideology* 2(1): 26-35.
- Muhammad 'Ajjāj Khaṭīb. 1963. *al-Sunnah Qabla al-Tadwin*. Beirut: Dar al-Fikr.

- Najah Nadiyah Amran & Hamdi bin Ishak. 2017. Service-Learning Bersama OKU: Pengalaman latihan industri pelajar FPI, UKM. *Jurnal al-Turath* 2(1): 1–9.
- Najah Nadiyah Amran, Maznah Ibrahim, Rosilah Hassan & Khaidzir Ismail. 2016. Pendekatan service-learning dalam kursus kemahiran insaniah: Transformasi positif dalam kalangan pelajar perubatan UKM-UNPAD. *Jurnal Personalia Pelajar* 19: 17–30.
- Najah Nadiyah Amran, Maznah Ibrahim, Zainab Ismail, Suria Baba, Maharam Mamat, Hamdi Ishak & Norain Azlan. 2019. Laporan Teknik Ringkasan Laporan Penyelidikan; Pembinaan Model Service-Learning Universiti Awam Malaysia. Bangi, Selangor.
- Najah Nadiyah Amran, Zainab Ismail, Maznah Ibrahim, Suria Baba, Maharam Mamat, Hamdi Ishak & Norain Azlan. 2018. Impak pelaksanaan service-learning di universiti awam Malaysia. Dlm. *Dinamika Kefahaman dan Pemikiran Islam Semasa*, disunting oleh Azhar Abdul Rahman, Raudlotul Firdaus Fatah Yasin, Noraini Ismail, Azlan Abd Aziz, Nor Azira Mohd Radzi, Majdah Chulan, Siti Hafawati Jamaluddin et al., 251–270. Gombak: IIUM Press.
- Norazila Mat, Jamsari Alias, Nazri Muslim & Nur Atiqah Abdullah. 2015. “Experiential learning” dan “service learning”: Ke arah meningkatkan kemahiran insaniah pelajar UKM. *Jurnal Personalia Pelajar* 18(1): 55–64.
- Nur Shahirah Amelia Binti Mat Rohani. 2015. Pengurusan Rasulullah s.a.w dalam mempersaudarakan masyarakat di Madinah. Dlm. *Prosiding Seminar Pengurusan Islam: Ke Arah Pemantapan Ummah*, disunting oleh Ahmad Irdha Mokhtar dan Zulkefli Aini, 1–6. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, UKM, Bangi, Selangor.
- Pentince, M. & Robinson, G. 2010. *Improving Student Learning Outcomes with Service-Learning*. Washington: American Association of Community College.
- Petkova, O. 2017. Towards improved student experiences in service learning in information systems courses. *Information Systems Education Journal (ISEDJ)* 15(1): 86–93.
- Sabri Mohamad Sharif. 2009. Menyediakan Sistem Pendidikan Malaysia Kepada Generasi Muda dalam Menangani Cabaran Abad Ke-21. *Generasi Ulul Albab: Segunung Harapan Seteguh Gagasan*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn Bhd.
- Schneider, M. K. 1998. Models of good practice for service-learning programs. *AAHE Bulletin* 50(10): 9-12.
- Seifer, S. D. & Connors, K. 2007. *Faculty Toolkit for Service-Learning in Higher Education*. Scotts Valley, CA: National Service-Learning Clearinghouse.
- Sharifah Norshah Bani Syed Bidin, Nor Salimah Abu Mansor & Zulkifli A. Manaf. 2011. Pelaksanaan manhaj Rasulullah dalam pengajaran dan pembelajaran kelas al-Quran bagi golongan dewasa. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* (Keluaran Khas): 53–70.
- Sharom Ahmat & Mohd Akhir bin Abdullah. 1979. Rancangan pembelajaran -perkhidmatan: Satu pembaharuan di Universiti Sains Malaysia. *Pendidik dan Pendidikan* 1(1): 1–10.
- Shaw, M. 2005. *Service learning in an Islamic Environment*. Islamic Society of North Education Forum, Chicago: IL.
- Siddig Ahmad. 2019. Qur’anic guidelines for personality development and collective work. *Islāmiyyāt* 41(1): 109–116.
- Steinke, P. & Fitchy, P. 2007. Assessing service-learning. *Research & Practice in Assessment* 2: 24–29.
- Syafiqah Jalal, Helmi Norman, Hafiz Zaini & Fairus Hamdan. 2017. Transformasi Ruang Pembelajaran Challenge-based di Peringkat Pendidikan Tinggi. *Seminar Pendidikan Serantau Ke-8*, hlm. 108–113.
- Tee Tiam Chai, Hamdan Said, Norashuha Tajuddin, Nguyen Thuy Van, Ros Ilyani Rosdi, Mohd Rustam Mohd Rameli & Noriadah Abdul Karim. 2013. The Role of academic advisor in motivating students to perform service-learning. *2nd International Seminar on Quality and Affordable Education (ISQAE 2013) The*, hlm. 520–529. Johor Bharu: Universiti Teknologi Malaysia, Faculty of Education.
- Zainudin, Hashim. 2018. Pendekatan pembangunan insan menurut Hasan al-Banna (m. 1949) Menerusi Kitab Majmu’ah al-Rasail/Zainudin Hashim. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail & Noranizah Yusuf. 2012. Faktor persekitaran sosial dan hubungannya dengan pembentukan jati diri. *Jurnal Hadhari: An International Journal*: 155-172.
- Zulkiple Abd. Ghani & Mohd. Zafar Hasim. 2004. Islamic values and ethnics in communication. *Islamiyyat* 24(1): 61–69.

#### PENGARANG

Norain Azlan  
Calon Sarjana Pengajian Islam,  
Program Pengajian al-Quran dan al-Sunnah,  
Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia - Penulis utama

Dr. Najah Nadiyah Amran  
Pengerusi Pusat,  
Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah,  
Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia - Penulis Bersama  
najah@ukm.edu.my

Dr. Hamdi Ishak  
Pensyarah Kanan,  
Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah,  
Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia - Penulis Bersama  
hamdi@ukm.edu.my